

Kertas Bil. 5/2024



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN,
INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK – INFRAFRO)
BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A
SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	1
3	Keterangan	3
4	Saranan Jawatankuasa	30
5	Perakuan	32
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	33
	Urus setia	34
	Lampiran 1 (Wakil Agensi / Individu Yang Hadir Dalam Taklimat	35
	Lampiran 2 (Senarai Lampiran Yang Dirujuk)	38
	Lampiran 3 (Perbandingan Kronologi Permohonan KM oleh Kontraktor (Menta), MPKS dan AJC Planning Sdn Bhd	39

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Air, Pertanian, Infrastruktur dan Mobiliti (JPK-INFRAFRO) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Kelima Belas Tahun 2024 pada 27 Februari - 29 Februari 2024, 1 Mac 2024, 4 Mac - 8 Mac 2024 dan 11 Mac 2024.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pada 6 Disember 2023, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat pertama dan bersetuju untuk meneliti beberapa isu berkaitan dengan pengurusan air. Jawatankuasa telah bersetuju untuk menyediakan satu penyata berkaitan status kemajuan Projek Pembinaan Paket A Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) di Negeri Selangor. Empat (4) mesyuarat / taklimat / pendengaran tertutup dan satu (1) lawatan tapak telah diadakan melibatkan beberapa agensi. Berikut adalah kronologi mesyuarat / taklimat / lawatan / pendengaran tertutup serta maklumat agensi yang terlibat:

TARIKH	PERKARA	AGENSI
3 Januari 2024 (Bil. 1/2024)	Taklimat berkenaan projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM)	Seksyen Makro dan Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
10 Januari 2024	Lawatan tapak Paket A SJAM di Kg Sg Darah, Bestari Jaya, Kuala Selangor	<ol style="list-style-type: none">1. Menta Construction Sdn Bhd (Menta)2. UPEN3. Juru Runding (Perunding Glokal Sdn Bhd)
17 Januari 2024 (Bil. 2/2024)	Pendengaran tertutup berkaitan isu faktor kelewatan kemajuan projek SJAM paket A	Menta Construction Sdn Bhd <ul style="list-style-type: none">• Sesi 1: Ahli

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

TARIKH	PERKARA	AGENSI
		Lembaga Pengarah (BOD) • Sesi 2: Pasukan pengurus projek
24 Januari 2024 (Bil. 3/2024)	Pendengaran Tertutup berkaitan isu faktor kelewatan kemajuan projek SJAM pakej A	1. Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) 2. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) 3. SMHB Sdn. Bhd
31 Januari 2024 (Bil. 4/2024)	Mesyuarat perbincangan jawatankuasa mengenai penyata.	Ahli Jawatankuasa JPK-INFAGO
1 Februari 2024 (Bil. 5/2024)	Pendengaran Tertutup berkaitan isu faktor kelewatan kemajuan projek SJAM pakej A dan mesyuarat jawatankuasa memuktamadkan penyata.	AJC Planning Consultants Sdn Bhd (AJC)

2.2. Ahli Jawatankuasa yang terlibat adalah:

- i. Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
(N31 Subang Jaya)
- ii. Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri
(N46 Pelabuhan Klang)
- iii. Y.B. Tuan Leong Tuck Chee
(N47 Pandamaran)
- iv. Y.B. Tuan Muhammad Izuan Bin Ahmad Kasim
(N39 Kota Damansara)
- v. Y.B. Tuan Mohd Razali Bin Saari
(N03 Sungai Panjang)
- vi. Y.B. Tuan Jefri Bin Mejan
(N11 Ijok)

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

3. KETERANGAN

3.1. Latar Belakang projek SJAM bagi pakej A adalah seperti berikut:

TARIKH	PERKARA	SUMBER	ISI KANDUNGAN MAKLUMAT
30 Oktober 2020	Pengumuman projek SJAM	Penyata Rasmi Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Keempat Belas tahun 2020, muka surat 52. ¹	Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengumumkan projek pengepaman air mentah dari kolam takungan HORAS 600 di Sungai Selangor ini akan bermula pada tahun 2020 dan <u>dijangka siap dalam tempoh 18 bulan.</u>
September 2021	Status pelaksanaan projek SJAM	Jawapan soalan mulut yang ditanya oleh Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Tahun 2021 ²	Pelaksanaan projek pengepaman air mentah dari kolam takungan HORAS 600 di Sungai Selangor dan Kolam Takungan (Pond C) di Sungai Semenyih melibatkan 4 pakej kerja utama ini dalam peringkat pelantikan kontraktor akan dibuat selewat-lewatnya September 2021 ini. <u>Kerja-kerja bagi projek ini dijadualkan untuk disiapkan pada akhir tahun 2022.</u>
September - November 2021	Pembentangan kepada Lembaga Perolehan Negeri	Jawapan soalan mulut yang ditanya oleh Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze pada Mesyuarat Kedua (Bajet) Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Tahun 2021 (Sistem E-QUANS). ³	Bagi Pakej A, pembentangan telah dibuat kepada Lembaga Perolehan Negeri pada 03 September 2021, 04 Oktober 2021 dan pada 09 November 2021. Pelantikan kontraktor akan dibuat selepas mendapat ketetapan Lembaga Perolehan.

¹ Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2020 Shah Alam, 30 Oktober 2020 (Jumaat) Muka surat 52 <https://dewan.selangor.gov.my/wp-content/uploads/2020/11/HANSARD-30-OKT-2020.pdf>

² Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Tahun 2021 <https://dewan.selangor.gov.my/question/sumber-air-kecemasan/#answer1>

³ Mesyuarat Kedua (Bajet) Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Tahun 2021 <https://dewan.selangor.gov.my/question/sambungan-horas600-dan-pond-c-kepada-lra-ssp123-dan-sq-semenyih/#answer1>

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

TARIKH	PERKARA	SUMBER	ISI KANDUNGAN MAKLUMAT
Mac 2022	Penjelasan faktor kelewatian projek SJAM	Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS) Berhubung Projek Bagi Menghubungkan HORAS 600 ke Loji Rawatan Air SSP 1, 2, dan 3, masa yang ditetapkan di dalam tender adalah selama dua belas (12) bulan. Loji Rawatan Air (LRA) SSP 1, 2, 3 dan Rantau Panjang dan Off-River Storage (ORS) ke LRA Semenyih (Kertas Bilangan 36/2022) ⁴	<p>YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), YB Ir Izham Hashim menjelaskan bahawa kerja-kerja penyambungan HORAS 600 ke Loji Rawatan Air SSP 1, 2, dan 3, masa yang ditetapkan di dalam tender adalah selama dua belas (12) bulan.</p> <p>Namun demikian, terdapat kelewatian kerja-kerja di tapak berikut dari kejadian banjir besar pada akhir tahun 2021 telah menyebabkan kerosakan kepada tebing sungai hingga menyebabkan kerja-kerja pembalikan perlu disiapkan dahulu sebelum kontraktor boleh membuat kerja-kerja seperti yang ditawarkan di dalam tender.</p> <p>Selain dari kejadian banjir, tapak projek HORAS 600 juga telah dipenuhi dengan pokok sawit yang ditanam oleh peneroka haram. Kerja-kerja pengusiran peneroka dan pembersihan tapak perlu dilaksanakan dahulu sebelum kerja-kerja fizikal boleh dibuat.</p>
1 Jun 2022	Pelantikan kontraktor pakej A projek SJAM	Jawapan soalan mulut yang ditanya oleh Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze yang diberikan dalam Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas	Mengenai status pelaksanaan penyambungan kolam takungan HORAS ke LRA SSP 1,2,3 dan Kolam Takungan (Pond C) ke LRA Semenyih didapati bahawa pelantikan kontraktor bagi Paket A akan dimuktamadkan pada 01 Jun 2022.

⁴ Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS) Berhubung Projek Bagi Menghubungkan HORAS 600 ke Loji Rawatan Air (LRA) SSP 1, 2, 3 dan Rantau Panjang dan Off-River Storage (ORS) ke LRA Semenyih, mukasurat 6-7, <https://dewan.selangor.gov.my/wp-content/uploads/2022/03/KERTAS-BIL.-36-TAHUN-2022-MAKLUMBALAS-HORAS-600.pdf>

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

TARIKH	PERKARA	SUMBER	ISI KANDUNGAN MAKLUMAT
		Tahun 2022 (Sistem E-QUANS) ⁵	
28 Februari 2023	Prestasi kemajuan seluruh projek SJAM	Jawapan soalan mulut yang ditanya oleh Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze yang diberikan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Keenam Dewan Negeri Selangor Tahun 2023 (Sistem E-QUANS). ⁶	Prestasi kemajuan projek setakat 28 Februari 2023 sudah mencapai kadar 40%. 80%, projek ini <u>dijangka siap pada akhir tahun 2023.</u>
18 Mei 2023	Prestasi kemajuan seluruh projek SJAM	Laporan berita Selangorkini bertarikh 18 Mei 2023, yang bertajuk "Skim jaminan air mula operasi awal 2024, tumpung keperluan 7 juta pengguna". ⁷	Y.A.B. Dato' Menteri Besar dipetik mengatakan: "Projek dirancang dan dilaksanakan sejak 2020 ini <u>dijangka siap menjelang Oktober ini</u> . Namun kita ada banyak peringkat antaranya proses percubaan, simulasi jadi kita jangka projek berfungsi awal tahun hadapan."
3 Januari 2024	Prestasi kemajuan seluruh projek	Pendengaran 1/2024 Jawatankuasa Pilihan INFRAFRO	"Projek ini penting kepada Selangor kerana kita menampung keperluan 1.6 juta akaun membatikkan tujuh juta pengguna termasuk Lembah Klang dan Putrajaya selain sektor industri yang banyak,"
			Jawatankuasa dimaklumkan bahawa status projek SJAM setakat 31 Disember 2023 adalah (LAMPIRAN A, slaid 23):-

⁵ Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2022 <https://dewan.selangor.gov.my/question/bekalan-air-kecemasan/#answer1>

⁶ Mesyuarat Pertama Penggal Keenam Dewan Negeri Selangor Tahun 2023 <https://dewan.selangor.gov.my/question/kelewatian-sambungan-horas-600-dan-pond-c-ke-ir-a-semenyih-dan-ssp-1-2-3/#answer1>

⁷ Artikel Selangorkini bertarikh 18 Mei 2023, yang bertajuk "Skim jaminan air mula operasi awal 2024, tumpung keperluan 7 juta pengguna", <https://selangorkini.my/2023/05/skim-jaminan-air-mula-operasi-awal-2024-tumpung-keperluan-7-juta-pengguna/>

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

TARIKH	PERKARA	SUMBER	ISI KANDUNGAN MAKLUMAT		
			Projek	Prestasi	Jangka Siap
SJAM			Pakej A	67.39%	31 Ogos 2024
			Pakej B	92.22%	1 Mac 2024
			Pakej C	88.08%	27 Feb 2024
			Pakej D	88.04%	7 Mac 2024

- 3.2. Projek SJAM yang berkepentingan awam telah ditenderkan secara *design and build* kerana terdapat keperluan yang mendesak untuk memastikan projek ini dapat disiapkan dalam tempoh 18 bulan kerana ia melibatkan rancangan negeri untuk memastikan keterjaminan bekalan air kepada 1.6 juta penduduk di Negeri Selangor, terutama di Daerah Klang.

- 3.3 Fakta berkaitan faktor kelewatian kemajuan projek SJAM Pakej A yang dibahagi kepada dua (2) bahagian, melibatkan maklumat-maklumat dari pihak UPEN, Menta Construction Sdn Bhd, MPKS dan agensi-agensi lain yang terlibat, adalah seperti berikut:

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

- 3.3.1 **BAHAGIAN 1: Empat (4) faktor kelewatian utama yang dinyatakan oleh pihak Menta Construction Sdn Bhd**
- i. Pendengaran tertutup bersama wakil Menta Construction Sdn Bhd telah dibahagi kepada dua (2) sesi iaitu sesi pertama bersama Ahli Lembaga Pengarah / Board of Directors (**BOD**) dan sesi kedua bersama pengurus projek dan pasukan yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja di tapak serta memantau kemajuan projek (**pasukan pengurus projek**). Berikut adalah wakil-wakil yang hadir.
 - a. **BOD** terdiri daripada En Lai Weng Wah (Director) dan Ir Ng Yit Kok (Project Director)
 - b. **Pasukan pengurus projek** terdiri daripada En Mat Halim Kadimon (lantikan baharu bermula September 2023), Ir Soh Kok Eng (Design Consultant lantikan Kontraktor bermula Julai 2022), En Ismail Maspin (lantikan baharu bermula 15 Disember 2023) dan Pn. Nor Aida Mohd Sapiai.
 - ii. Taklimat/pendengaran tertutup/dokumen tambahan melibatkan wakil Seksyen Makro dan Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), SMHB Sdn. Bhd (SMHB) dan AJC Planning Consultants Sdn. Bhd (AJC)⁸.

⁸ Kenyataan wakil pihak AJC Planning Consultants Sdn. Bhd (AJC) khusus bagi isu kelulusan Kebenaran Merancang (KM) [Rujuk 3.4.3]

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor Kelewatian Utama 1: Isu soil investigation dan keadaan tanah di tapak projek

Faktor kelewatian utama yang dinyatakan oleh pihak kontraktor	Sesi 1: Penjelasan BOD	Sesi 2: Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan pihak berkaitan (SMHB)	Penemuan Jawatankuasa
Isu dokumen tender yang menyatakan bahawa tanah yang diuruskan adalah <i>silty clay</i> yang bercanggahan dengan keadaan tanah di tapak (<i>marine clay</i>). 88	Tiada soi/ <i>investigation</i> (SI) yang dibuat oleh pihak kontraktor. Mereka hanya mengetahui berkaitan status jenis tanah tersebut jenis tanah tersebut apabila membuat 'first cut' pada bulan Jun 2023 dan apabila beberapa <i>sheet pile</i> runtuh.	Menurut, pengurus projek SI telah dibuat oleh pihak kontraktor selepas memenangi tender dan pihak kontraktor mendapati status jenis tanah di tapak pembinaan adalah <i>marine clay</i> pada bulan Oktober 2022. Langkah mitigasi yang diambil oleh kontraktor setelah mengetahui keadaan tanah adalah melantik sub-kontraktor untuk melaksanakan kerja cerucuk <i>sheet piles</i> dan <i>bracing</i> .	Dapatkan SI yang dijalankan oleh pihak kontraktor (LAMPIRAN B1) tidak jauh berbeza dengan keputusan SI yang dinyatakan dalam dokumen tender. Laporan SI dalam dokumen tender (LAMPIRAN B2) adalah maklumat daripada projek lepas. Menurut dokumen tender, kontraktor perlu menjalankan kajian SI sendiri (LAMPIRAN B3). Walaupun ia adalah perkara biasa untuk berhadapan dengan keadaan di luar jangka jajaran pembinaan RC box culvert pada jarak kira-kira 100 meter. Lubang gerudi nomor 8 menunjukkan jenis tanah <i>sandy clay</i> , lubang gerudi 9	Terdapat percanggahan maklumat di antara keterangan BOD dan Pasukan Pengurus Projek di mana BOD menyatakan bahawa SI tidak dijalankan, tetapi Pasukan Pengurus Projek mengesahkan bahawa SI dijalankan pada Oktober 2022.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JKK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor kelewanan utama yang dinyatakan oleh pihak kontraktor	Sesi 1: Penjelasan BOD	Sesi 2: Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan pihak berkaitan (SMHB)	Penemuan Jawatankuasa
	beberapa <i>sheet pile</i> telah runtuh semasa pembinaan.	menunjukkan tanah jenis <i>silty clay</i> , dan lubang gerudi nombor 10 menunjukkan jenis tanah <i>silt and sand</i> .	<p>Pihak SMHB berpendapat bahawa walau apa pun keputusan SI, adalah menjadi kebiasaan untuk keadaan sebenar tanah diketahui hanya selepas projek dimulakan (<i>after first cut is made</i>).</p> <p>Tetapi SMHB berpendapat bahawa pihak kontraktor tidak cukup proaktif selepas mendapat tahu mengenai isu keadaan tanah ini. Pembinaan <i>strutting</i> untuk <i>sheet pile</i> patut dimulakan secepat mungkin selepas keadaan ini diketahui.</p>	mengambil kira keadaan baru yang ditemui. Jawatankuasa mendapati tindakan susulan kontraktor dalam menangani isu jenis tanah yang berbeza daripada SI adalah kurang proaktif. Kontraktor sepautnya perlu mengkaji semula gerak kerja mereka seperti yang dicadangkan oleh pihak SMHB.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor Kelewatan Utama 2: Isu Kelulusan kebenaran memasang jentera oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Faktor kelewatan utama yang dinyatakan oleh pihak kontraktor	Sesi 1: Penjelasan BOD	Sesi 2: Penjelasan Pasukan pengurusan Projek	Penjelasan pihak berkaitan (JKKP)	Penemuan Jawatankuasa
Isu Kelulusan kebenaran memasang jentera oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Wakil Lembaga Pengarah memaklumkan bahawa kelulusan JKKP hanya diperolehi selepas 2 bulan setelah permohonan dibuat pada bulan Julai 2023 (selepas mendapat kelulusan KM).	Pemeriksaan mesin cerucuk oleh pihak JKKP dan kesukaran melaksanakan kerja-kerja 'bore pile' oleh lapisan 'reno mattress' menyebabkan kelewatan selama 111 hari.	Pihak JKKP memaklumkan bahawa sebanyak empat pemeriksaan jentera telah dijalankan di tapak projek. Semua pemeriksaan ini diselesaikan kurang dari tempoh 30 hari seperti yang dinyatakan dalam piagam pelanggan JKKP (LAMPIRAN C).	Jawatankuasa dimaklumkan terdapat kerosakan teruk pada jentera <i>borepile</i> dan <i>suction pipe</i> disebabkan oleh batu reno mattress yang tersumbat di dalamnya.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor kelewatan utama yang dinyatakan oleh pihak kontraktor	Sesi 1: Penjelasan BOD	Sesi 2: Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan pihak berkaitan (JKKP)	Penemuan Jawatankuasa
		<p>mengenalpasti kewujudan 'reno mattress' di dasar kolam HORAS 600 pada kedalaman 18 - 22m.</p> <p>Pada 22 Mei 2023, permohonan secara atas talian telah dibuat ke pihak JKKP kerana pemasangan mesin perlu dibuat dahulu sebelum membuat permohonan ke JKKP. Pemeriksaan mesin dan kelulusan telah dibuat pada 21 Julai 2023.</p>		

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor Kelewatian Utama 3: Isu kelulusan Kebenaran Merancang (KM), Pengecualian Fi KM dan Pelan susun atur.

Faktor kelewatian utama yang dinyatakan oleh pihak kontraktor	Sesi 1: Penjelasan BOD	Sesi 2: Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan pihak berkaitan (MPKS dan SMHB)	Penjelasan pihak berkaitan (AJC)	Penemuan Jawatankuasa
Isu kelulusan Kebenaran Merancang (KM)	Wakil Lembaga Pengarah memaklumkan kelulusan KM hanya diperolehi pada bulan Julai 2023 selepas permohonan KM kepada Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dibuat pada bulan November 2022 (tempoh kelulusan: lapan (8) bulan).	Kronologi permohonan KM oleh pihak Menta adalah seperti di LAMPIRAN D. Kelulusan KM daripada MPKS menyumbang kepada kelewatian selama 164 hari.	MPKS: Kronologi permohonan KM dari pihak MPKS adalah seperti di LAMPIRAN E. Permohonan KM diuruskan oleh AJC Planning Consultants Sdn Bhd.	Kronologi permohonan KM dari pihak AJC adalah seperti di LAMPIRAN F. Perbandingan kronologi oleh pihak kontraktor, MPKS dan AJC adalah seperti di LAMPIRAN 3.	Jawatankuasa mendapati isu kelewatian timbul pada peringkat permohonan pengecualian fi dan kelulusan pelan susunatur (yang akan diulaskan secara terperinci di bawah). Kelulusan KM tidak boleh dijadikan alasan kerana permohonan KM adalah di bawah tanggungjawab pihak kontraktor untuk menepati garis masa projek yang telah ditetapkan.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor kelewatian utama yang dinyatakan oleh pihak kontraktor	Sesi 1: Penjelasan BOD	Sesi 2: Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan pihak berkaitan (MPKS dan SMHB)	Penjelasan pihak berkaitan (AJC)	Penemuan Jawatankuasa
			<p>Namun, permohonan ini adalah tidak lengkap dan tidak dapat diproses oleh unit OSC.</p> <p>Pemohon telah dimaklumkan secara automatik mengenai dokumen tertinggal untuk permohonan ini melalui sistem OSC 3.0 Plus. Pemohon telah menjalani kursus untuk menggunakan sistem OSC 3.0 Plus dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan sepatutnya tahu mengetahui</p>		

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor kelewatian utama yang dinyatakan oleh pihak kontraktor	Sesi 1: Penjelasan BOD	Sesi 2: Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan pihak berkaitan (MPKS dan SMHB)	Penjelasan pihak berkaitan (AJC)	Penemuan Jawatankuasa
Permozonan pengecualian fi Kebenaran Merancang (KM)	–	Pada 7 November 2022, pihak kontaktor telah memohon KM dengan pengecualian fi (LAMPIRAN F1) dan permohonan ini ditolak.	MPKS: Mengenai pengecualian fi, MPKS mengesahkan yang fi permohonan KM, adalah sebanyak RM 881.00 dan pengecualian fi hanya boleh diberikan oleh Pihak Berkusa Negeri.	AJC: AJC memaklumkan bahawa pihak Menta yang mengarahkan pihak AJC membuat rayuan pengecualian fi KM. Justifikasi permohonan pengecualian fi KM yang dinyatakan oleh pihak AJC kepada pihak Menta yang dinyatakan oleh pihak AJC adalah projek telah diaward kepada kontraktor tidak dikategorikan sebagai projek mengenai perkara	Tindakan pihak kontaktor yang menggunakan alasan kelewatan jawapan kepada permohonan fi KM sebanyak RM 881.00 , iaitu suatu jumlah yang amat kecil tidak munasabah. Jawatankuasa mendapati terdapat kelemahan juga pada pihak MPKS untuk memberi maklum balas segera kepada kontraktor berkenaan

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor kelewatian utama yang dinyatakan oleh pihak kontraktor	Sesi 1: Penjelasan BOD	Sesi 2: Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan pihak berkaitan (MPKS dan SMHB)	Penjelasan pihak berkaitan (AJC)	Penemuan Jawatankuasa
		telah membuat permohonan semula KM yang lengkap tanpa pengecualian fi pada 14 Februari 2023 dan permohonan ini diluluskan secara lisan pada 22 Mac 2023.	ini sebelum permohonan dibuat.	kerajaan. Justeru, pihak Menta mengatakan kepada AJC bahawa tidak wajar pihak kontraktor dikenakan fi permohonan KM kerana Projek Paket A SJAM adalah projek Kerajaan Negeri.	permohonan pengecualian fi yang mengambil masa hampir dua (2) bulan. (Lampiran H)

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor kelewatian utama yang dinyatakan oleh pihak kontraktor	Sesi 1: Penjelasan BOD	Sesi 2: Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan pihak berkaitan (MPKS dan SMHB)	Penjelasan pihak berkaitan (AJC)	Penemuan Jawatankuasa
			permohonan KM pihak kontraktor Pakej C tidak mengambil masa yang lama kerana pihak kontraktor tersebut tidak mohon pengecualian fi KM.		Jawatankuasa mendapati bahawa tidak wajar untuk proses kelulusan pelan susunatur mengambil masa selama tiga (3) bulan.
Pelan susun atur	–	–	MPKS: Tempoh masa yang diambil oleh pihak konsultan untuk menghantar pelan susunatur akhir kepada MPKS adalah tiga (3) bulan selepas pemakluman kelulusan KM oleh Unit Pusat Setempat (OSC)	Pada 23 Mac 2023, perbincangan secara tidak rasmi diantara perunding dan Jabatan Perancang Pembangunan, MPKS berkaitan penambahbaikan pelan susun atur KM telah berlaku. (LAMPIRAN F)	Jawatankuasa juga mendapati bahawa tidak wajar untuk mengambil tempoh 20 hari antara

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor kelewanan utama yang dinyatakan oleh pihak kontraktor	Sesi 1: Penjelasan BOD	Sesi 2: Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan pihak berkaitan (MPKS dan SMHB)	Penjelasan pihak berkaitan (AJC)	Penemuan Jawatankuasa
			<p>Kepada pihak konsultan kontraktor.</p> <p>Pegawai MPKS memaklumkan bahawa pihak konsultan pernah berjumpa dengan MPKS untuk mendapat maklumbalas berkenaan pelan susunatur. Oleh itu, tidak ada sebab untuk kelewanan penghantaran pelan susunatur sehingga tiag (3) bulan.</p>	<p>Pada 3 Mei 2023, pihak AJC memaklumkan pihak beliau telah mengemukakan pelan susun atur KM yang telah ditambahbaik untuk semakan ke yang berkepentingan awam, pihak Kerajaan Negeri patut memudahcaraikan proses permohonan sebarang kebenaran daripada semua agensi dari awal untuk memastikan tiada kelewatian.</p> <p>Walaubagaimana pun, Jabatan Perancang Pembangunan bagi mendapatkan kelulusan KM penuh.</p> <p>Meminta AJC untuk melakukan pindaan kepada pelan susunatur.</p>	<p>penghantaran pelan susun atur akhir daripada UPEN ke MPKS melalui AJC. Jawatankuasa berpandangan bahawa, bagi projek Kerajaan yang berkepentingan awam, pihak Kerajaan Negeri patut memudahcaraikan proses permohonan sebarang kebenaran daripada semua agensi dari awal untuk memastikan tiada kelewatian.</p> <p>Kerajaan Negeri perlu menggalakkan</p>

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor kelewatian utama yang dinyatakan oleh pihak kontraktor	Sesi 1: Penjelasan BOD	Sesi 2: Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan pihak berkaitan (MPKS dan SMHB)	Penjelasan pihak berkaitan (AJC)	Penemuan Jawatankuasa
			mengemukakan pelan susunatur KM yang dipinda.	<p>Pada 1 Jun 2023, MPKS memaklumkan bahawa tiada ulasan tambahan.</p> <p>Pada 13 Jun 2023, pihak AJC mengemukakan pelan susunatur akhir kepada pihak UPEN bagi tujuan pengesahan.</p> <p>(LAMPIRAN 11)</p> <p>Namun begitu, pelan susun atur tersebut yang telah ditandatangani UPEN hanya</p>	<p>Kelulusan kesemua jabatan secara serentak (Kebenaran Merancang, pelan susunatur, pelan bangunan, pelan landskap, pelan jalan dan parit dan lain - lain) bagi semua projek Kerajaan.</p> <p>Jawatankuasa memerhati bahawa JKR Negeri Selangor adalah satu contoh yang baik di mana ulasan diberikan awal (LAMPIRAN 14), yang menunjukkan bahawa keutamaan diberikan kepada projek Kerajaan</p>

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor kelewatian utama yang dinyatakan oleh pihak kontraktor	Sesi 1: Penjelasan BOD	Sesi 2: Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan pihak berkaitan (MPKS dan SMHB)	Penjelasan pihak berkaitan (AJC)	Penemuan Jawatankuasa
				<p>sampai di tangan AJC 20 hari kemudian iaitu pada 4 Julai 2023. (LAMPIRAN I2)</p> <p>Pada hari yang sama, pihak AJC mengemukakan pelan susun atur tersebut kepada pihak MPKS bagi tujuan pengesahan dan seterusnya kelulusan KM penuh diterima pada 18 Julai 2023. (LAMPIRAN I3)</p> <p>Pihak AJC juga memaklumkan bahawa semua agensi teknikal yang terlibat boleh melihat proses dalaman dan memberi keutamaan bagi projek Kerajaan Negeri yang berkepentingan awam.</p>	<p>Negeri yang berkepentingan awam.</p> <p>Majlis tidak wajar menggunakan piagam pelanggan biasa dalam memproseskan sebarang permohonan bagi projek kerajaan negeri yang berkepentingan awam.</p> <p>MPKS wajar mempercepatkan proses dalaman dan memberi keutamaan bagi projek Kerajaan Negeri yang berkepentingan awam.</p>

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor kelewatian utama yang dinyatakan oleh pihak kontraktor	Sesi 1: Penjelasan BOD	Sesi 2: Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan berkaitan (MPKS dan SMHB)	Penjelasan pihak berkaitan (AJC)	Penemuan Jawatankuasa
				permohonan KM yang dibuat pada 13 November 2022. Permohonan KM yang dikemukakan kepada JKR Negeri Selangor secara fizikal (pada 21 Disember 2022) telah mendapat sokongan KM dari pihak mereka pada 10 Januari 2023.	

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor Kelewatan Utama 4: Isu bekalan konkrit dari pembekal.

Faktor kelewatan utama yang dinyatakan oleh pihak kontraktor	Sesi 1: Penjelasan BOD	Sesi 2: Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan pihak berkaitan (MPKS dan SMHB)	Penemuan Jawatankuasa
Isu bekalan konkrit dari pembekal	Wakil Lembaga Pengarrah memaklumkan jarak antara lokasi tapak pembinaan dengan syarikat pembekal bahan konkrit adalah 10 kilometer (km) dan mereka memaklumkan masalah bekalan konkrit diketahui pada bulan Oktober, November dan Disember 2023.	Kesukaran mendapatkan bekalan konkrit dari pembekal membawa kepada kelewatan selama 104 hari.	<p>UPEN: Merujuk kepada Meeting of Minutes NO. 14 dan No. 16 (LAMPIRAN J) mesyuarat di antara pihak UPEN, SMHB dan Perunding Glokal Sdn Bhd, pihak Menta telah memaklumkan bahawa mereka menghadapi isu bekalan konkrit.</p> <p>SMHB: Terdapat projek lain di kawasan berdekatan yang juga mengalami masalah yang sama.</p>	<p>Jawatankuasa mendapati bahawa isu bekalan konkrit turut dihadapi oleh kontraktor bagi projek-projek lain namun jawatankuasa berpendapat isu bekalan konkrit adalah tanggungjawab pihak kontraktor yang sepatutnya mengambil tindakan lebih proaktif, samada dengan mencadangkan penggunaan bahan lain ataupun menyusun semula rangka kerja sementara menunggu bekalan konkrit pulih.</p> <p>Memandangkan projek ini adalah projek <i>design and</i></p>

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JKK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor kelewatian utama yang dinyatakan oleh pihak kontraktor	Sesi 1: Penjelasan BOD	Sesi 2: Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan pihak berkaitan (MPKS dan SMHB)	Penemuan Jawatankuasa
		<p>menghadapi masalah bekalan konkrit pada bulan Mac, April, dan Jun 2023 dan mereka juga telah menerima surat daripada pembekal pada 15 Mei 2023 dan 12 Julai 2023 mengenai masalah tersebut.</p> <p>Terdapat juga isu permandu lori mogok.</p> <p>Jawatankuasa mengambil maklum terdapat tiga (3) pembekal bahan binaan untuk pihak kontraktor iaitu Evermix Concrete Sdn. Bhd, Besroi Concrete Sdn Bhd dan Bina Pile Industries Sdn. Bhd.</p>	<p><i>build</i>, perkara ini adalah tanggungjawab pihak kontraktor dimana pihak kontraktor perlu mengambil tindakan proaktif untuk mengatasi masalah ini.</p>	

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

3.3.2 BAHAGIAN 2: Faktor-faktor lain yang dikenalpasti oleh Jawatankuasa bersama pihak BOD dan pasukan pengurus projek berkaitan faktor kelewatian kemajuan projek seperti berikut:

Faktor-faktor lain yang dikenalpasti Jawatankuasa	Penjelasan BOD	Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan agensi (MPKS, JKKP, dan SMHB)	Penemuan Jawatankuasa
Tadbir urus Menta	BOD mengesahkan bahawa tiada mesyuarat formal yang dijadualkan untuk pengurus projek membuat laporan kemajuan projek kepada BOD.	–	SMHB: Masalah-masalah pengurusan dan pelaksanaan (M&E) di pihak kontraktor yang sepatutnya dirancang dan diuruskan dengan lebih baik.	Proses tadbir urus Menta adalah amat lemah. BOD perlu memberikan tumpuan yang lebih untuk memantau kadar kemajuan projek-projek di bawah syarikatnya, dan melaksanakan intervensi apabila prestasi projek tidak mencapai sasaran.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor-faktor lain yang dikenalpasti Jawatankuasa	Penjelasan BOD	Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan agensi (MPKS, JKKP, dan SMHB)	Penemuan Jawatankuasa
Aturan Kerja	–	Pasukan Pengurus tidak boleh memberi sebarang komen berkenaan aturan kerja sebelum mereka dilantik.	UPEN: Semasa lawatan tapak, diperhatikan bahawa kerja-kerja yang patut dilaksanakan pada musim kering (<i>dry season</i>) seperti pembinaan culvert telah dilaksanakan pada musim hujan (<i>wet season</i>)	Jawatankuasa mendapati bahawa aturan kerja yang tidak mengambil kira musim menyumbang kepada proses kerja yang lambat kerana, contohnya air perlu dipam keluar daripada bahagian yang digali untuk meneruskan kerja. Ia juga menyumbang kepada penambahan kos.
Kewangan	Wakil Lembaga Pengarah mengatakan bahawa Menta tidak menghadapi sebarang masalah kewangan.	Berdasarkan jadual pembayaran interim (LAMPIRAN K1) kesemua pembayaran yang dituntut telah diterima kecuali pembayaran interim ke-17 (setakat pendengaran pada 17 Januari 2024)	–	Jawatankuasa berpendapat bahawa berdasarkan keterangan daripada BOD dan Pengurus Projek, faktor kewangan tidak sepatutnya menjadi sebab untuk kelewatan projek.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor-faktor lain yang dikenalpasti Jawatankuasa	Penjelasan BOD	Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan agensi (MPKS, JKKP, dan SMIHB)	Penemuan Jawatankuasa
Kuantiti Mesin dan pekerja di tapak	<p>Wakil Lembaga Pengarrah memaklumkan langkah penambahbaikan bagi mengatasi isu kekurangan mesin dan pekerja telah dilaksanakan pada bulan November 2023 (selepas kelulusan KM) walaupun teguran UPEN dibuat pada bulan April 2023.</p>	<p>Faktor kekurangan pekerja adalah tanggungjawab kontraktor dan tidak sepautnya menjadi isu. Pada Januari 2023, bilangan pekerja adalah 25 orang yang ditambah dengan purata 4 orang sebulan sehingga 70 orang pada bulan November 2023. (LAMPIRAN K2)</p>	<p>SMHB: Pihak SMHB berpendapat perlu ada lebih ramai tenaga kerja (4 pasukan untuk bekerja menyiapkan RC box culvert)</p> <p>Pada peringkat awal projek, hanya ada satu pasukan yang bekerja menyiapkan elemen pembinaan ini.</p>	<p>Jawatankuasa mendapati pihak kontraktor gagal menyediakan bilangan pekerja yang mencukupi di tapak untuk memastikan kerja-kerja pembinaan di tapak siap mengikut garis masa projek yang telah ditetapkan selepas memenangi tender pada bulan Jun 2022.</p> <p>(Satu pasukan kerja kebiasaannya ada 15-20 orang pekerja)</p>

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor-faktor lain yang dikenalpasti Jawatankuasa	Penjelasan BOD	Penjelasan Pasukan pengurusan Projek	Penjelasan agensi (MPKS, JKKP, dan SMHB)	Penemuan Jawatankuasa
Jangkaan siap kerja pembinaan	2023)].	Jangkaan siap kerja pembinaan fizikal yang dimaklumkan oleh wakil Lembaga Pengarah adalah pada <u>bulan Julai atau Ogos 2024.</u>	SMHB: Berdasarkan dokumen yang diterima iaitu Package A Works Programme EOT 2 (LAMPIRAN L), jangkaan siap sepuhnya projek SJAM pakej A adalah pada <u>bulan Disember 2024.</u>	Jawatankuasa mendapatkan terdapat percanggahan komitmen garis masa dalam menyiapkan projek berdasarkan kenyataan oleh BOD, Pasukan pengurus projek dan dokumen. Oleh itu, jawatankuasa sangsi sama ada kontraktor komited untuk menyiapkan projek ini. Pihak SMHB juga telah menghantar laporan terperinci status kemajuan projek berdasarkan setiap elemen kerja sehingga 23 Januari 2024. (LAMPIRAN M)

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor-faktor lain yang dikenalpasti Jawatankuasa	Penjelasan BOD	Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan agensi (MPKS, JKKP, dan SMIHB)	Penemuan Jawatankuasa
Proses tender	–	–	UPEN: Skor yang diperolehi Menta meletakkannya pada kedudukan ketiga. Justifikasi pemilihan adalah seperti berikut (LAMPIRAN N):- i. Petender lulus semua peringkat penilaian tender dan berada di tempat ketiga dengan markah 79.52% ii. Mendapat markah penilaian keupayaan keseluruhan (biayawan dan teknikal) 71.02% iii. Mempunya satu kerja semasa dengan prestasi kerja semasa adalah 7.44%; dan	Jawatankuasa mengambil maklum bahawa skor yang diperolehi Menta meletakkannya pada kedudukan ketiga.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor-faktor lain yang dikenalpasti Jawatankuasa	Penjelasan BOD	Penjelasan Pasukan pengurusan Projek	Penjelasan agensi (MPKS, JKKP, dan SMIHB)	Penemuan Jawatankuasa
			<p>iv. Mempunyai pengalaman kerja menaik taraf LRA Jenun Baru dari 55 MLD ke 110 MLD, Pendang, Kedah dalam penilaian modal minimum yang diperlukan.</p> <p>Mesyuarat Lembaga Perolehan Negeri Selangor tidak memperakukau atau mengesyorkan Petender pertama (yang mendapat skor 05/05) yang menawarkan harga yang terendah kerana Petender mempunyai dua (2) kerja semasa terendah 1.58% dan Petender mencadangkan penurunan paras air dalam kolam dijalankan oleh pihak ketiga.</p>	

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

Faktor-faktor lain yang dikenalpasti Jawatankuasa	Penjelasan BOD	Penjelasan Pasukan pengurus Projek	Penjelasan agensi (MPKS, JKKP, dan SMIHB)	Penemuan Jawatankuasa
			Bagi Petender ke-2 terendah tidak diperakukan kerana markah penilaian keupayaan keseluruhan (biayawan & teknikal) yang rendah (56.10%) berbanding petender yang diperakukan (71.02%).	

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

4. SARANAN JAWATANKUASA

- 4.1. Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan Negeri memantau dengan lebih rapat untuk memastikan projek SJAM dapat siap dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2024. Jawatankuasa berpandangan '*Extension of Time*' (EOT) hanya wajar diberikan untuk jangka masa yang setimpal bagi faktor-faktor di luar jangka dan kelewatan selebihnya patut dikenakan '*Liquidated Ascertain Damages*' (LAD) seperti yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima.
- 4.2. Jawatankuasa menyarankan supaya Jabatan Audit Negara Negeri Selangor menyiasat kelewatan dalam pelaksanaan Pakej A Projek SJAM dan mencadangkan penambahbaikan untuk mana-mana projek kerajaan yang lain supaya perkara ini tidak berulang lagi.
- 4.3. Jawatankuasa menyarankan supaya perancangan yang lebih rapi daripada awal perlu dipraktikkan dan amalan pemberian kelulusan EOT tidak sepatutnya dijadikan budaya terutama bagi projek-projek yang melibatkan kepentingan awam.
- 4.4. Jawatankuasa menyarankan agar faktor-faktor kelewatan kemajuan projek SJAM diambil perhatian oleh semua pihak berkaitan agar tindakan yang lebih progresif dan proaktif diambil untuk memastikan tiada lagi kelewatan kemajuan projek.
- 4.5. Kerajaan Negeri Selangor perlu lebih berhati-hati dalam pemilihan kontraktor bagi projek yang berkepentingan awam. Justifikasi yang dikemukakan bagi pemilihan seseorang kontraktor perlu kukuh.
- 4.6. Kerajaan Negeri Selangor perlu memastikan bahawa kontraktor yang berprestasi lemah tidak dilantik semula bagi projek Kerajaan Negeri yang lain. Kerajaan Negeri juga disarankan untuk menyemak sama ada petender yang akan datang bagi projek lain mempunyai pengarah-pengarah dan pemegang saham yang sama. Syarikat-syarikat dalam kategori tersebut juga tidak wajar dilantik bagi melaksanakan projek Kerajaan Negeri.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR, PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFAGRO) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

- 4.7 Maklumat berkenaan perkara 4.6 di atas wajar dikongsikan dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri lain, Agensi-Agenzi Kerajaan dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan bagi mengelakkan masalah kelewatan menyiapkan projek berulang.
- 4.8 Tadbir urus Menta perlu diperkemaskan. Jelas daripada percanggahan fakta bahawa Badan Pengarah dan Pengurusan Menta tidak berkomunikasi. Ia juga jelas daripada maklumat yang disampaikan oleh wakil Pengarah Menta bahawa mereka tidak jelas dan tidak mengambil serius kemajuan projek.
- 4.9 Jawatankuasa menyarankan agar kesemua agensi dan juga jabatan yang terlibat perlu memberi keutamaan kepada projek - projek Kerajaan terutamanya projek yang berkepentingan awam dan perlu menyenangkan proses permohonan.
- 4.10 Dalam Kertas Bil. 8/2022 Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS) Berhubung Projek Bagi Menghubungkan HORAS 600 Ke Loji Rawatan Air (LRA) SSP 1,2,3 dan Rantau Panjang dan Off River Storage ke LRA Semenyih, saranan 5.5, JPK-SAS sebelum ini telah menyarankan perkara seperti berikut dan Jawatankuasa ingin menegaskan kepentingan untuk Kerajaan Negeri memberikan perhatian terhadap perkara ini:


“Oleh itu, Jawatankuasa menyarankan semua agensi yang mungkin terlibat dalam projek ini, termasuk UPEN, Air Selangor, LUAS, SPAN, MPSp, MDKS dilibatkan pada peringkat awal untuk menyegerakan proses pelaksanaan.”

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN AIR,
PERTANIAN, INFRASTRUKTUR DAN MOBILITI (JPK-INFRAFRO) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS TAHUN 2024 BERHUBUNG PROJEK
PEMBINAAN PAKEJ A SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)**

5. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Pengerusi) Jawatankuasa Pilihan Khas (JPK-INFRAFRO). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-INFRAFRO dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5/2024 pada 1 Februari 2024.

Disahkan oleh:



